

**Kertas Perintah 14 Tahun 2009**

**MALAYSIA**

---

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

---

**ANGGARAN HASIL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 2010**

**KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**



**KANDUNGAN**  
*CONTENTS*

**MUKA  
SURAT**  
*PAGE*

<b>Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2010 .....</b>	<b>1</b>
Penjenisan Hasil.....	1
Semakan Semula Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2009.....	1
Hasil Cukai .....	2
Cukai Langsung.....	2
Cukai Tidak Langsung.....	3
Hasil Bukan Cukai.....	5
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	5
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2010 .....	6
Hasil Cukai .....	6
Cukai Langsung.....	6
Cukai Tidak Langsung.....	7
Hasil Bukan Cukai.....	9
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	9
Lampiran A1-A3 .....	10
<b>Treasury Memorandum On The Federal Government's Revenue Estimates For The Year 2010.....</b>	<b>19</b>
Classification Of Revenue.....	19
Review Of Federal Government's Revenue For The Year 2009.....	19
Tax Revenue.....	20
Direct Taxes.....	20
Indirect Taxes .....	21
Non-Tax Revenue.....	23
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	23
Estimates Of Federal Government's Revenue For 2010 .....	24
Tax Revenue.....	24
Direct Taxes.....	24
Indirect Taxes .....	25
Non-Tax Revenue.....	27
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	27
Appendix A1-A3 .....	28
<b>Pro-forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2009</b> <b><i>Pro-forma Balance Sheet As At 31 December 2009 .....</i></b>	<b>37</b>
<b>Ringkasan Anggaran Hasil Malaysia Bagi Tahun 2010</b> <b><i>Abstract Of The Estimates Revenue Of Malaysia For The Year 2010 .....</i></b>	<b>41</b>
<b>Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2010</b> <b><i>Details Of Estimated Revenue For The Year 2010.....</i></b>	<b>43</b>
<b>Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian</b> <b><i>Total Revenue After Tax Measures.....</i></b>	<b>111</b>



## MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2010

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 dan semakan hasil bagi tahun 2009. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 dianggarkan berjumlah **RM148,446** juta. Jumlah ini belum mengambil kira pertambahan hasil daripada langkah-langkah percukaian baru diperkenalkan dalam Bajet 2010 yang dianggarkan sebanyak **RM6,323** juta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tahun 2010 dan anggaran hasil disemak bagi tahun 2009 adalah seperti di **Lampiran A3**.

### PENJENISAN HASIL

3. Hasil Kerajaan Persekutuan dikelaskan kepada 3 kategori umum iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.
4. *Hasil Cukai* dikelaskan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. *Hasil Cukai Langsung* termasuklah hasil daripada cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum dan koperasi), duti setem dan cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan. *Hasil Cukai Tidak Langsung* pula termasuk hasil daripada duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.
5. *Hasil Bukan Cukai* terdiri daripada bayaran pendaftaran, lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan daripada jualan barang, sewaan, faedah dan pulangan daripada pelaburan, denda dan penalti serta sumbangan dan pampasan daripada Kerajaan asing dan agensi antarabangsa. Lesen dan permit merangkumi semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan dan lain-lain perusahaan bagi tujuan kawalan atau peraturan dan lesen kenderaan bermotor. Bayaran perkhidmatan pula mengandungi terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam. Perolehan dari jualan barang meliputi terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis untuk orang awam. Faedah dan pulangan daripada pelaburan Kerajaan termasuk faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan, faedah bank, dividen yang diperolehi daripada bon atau saham dan royalti daripada petroleum termasuk gas.
6. *Terimaan Bukan Hasil* termasuk pulang balik perbelanjaan, kredit antara jabatan, pulang balik bagi bayaran berlebihan atau kekhilafan bayaran dalam tahun fiskal yang lalu, bayaran balik dan sumbangan daripada Jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan dan terimaan daripada Wilayah Persekutuan. Pulang balik perbelanjaan termasuk terimaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan daripada tahun lepas, pulang balik gaji kerana perletakan jawatan dan pulang balik perbelanjaan latihan, manakala terimaan daripada agensi Kerajaan terdiri daripada pindahan dana antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi. Terimaan daripada Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium, cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

### SEMAKAN SEMULA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2009

7. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan disemak bagi tahun 2009 dijangka berkurang sebanyak RM13,755 juta atau 8% kepada RM162,100 juta berbanding anggaran asal 2009 yang berjumlah RM175,855 juta. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh anggaran hasil cukai, hasil daripada Wilayah Persekutuan dan terimaan bukan hasil yang masing-masing menurun sebanyak RM17,642 juta, RM135 juta dan RM62 juta, manakala hasil bukan cukai dijangka meningkat sebanyak RM4,084 juta. Jika dibandingkan dengan kutipan sebenar tahun 2008 sebanyak RM159,793 juta, jumlah hasil disemak tahun 2009 dijangka akan meningkat sebanyak RM2,307 juta atau 1%. Hasil bukan cukai dan hasil daripada Wilayah Persekutuan dijangkakan meningkat sebanyak RM8,882 juta dan RM10 juta masing-masing. Sementara itu, kutipan hasil cukai dan terimaan bukan hasil dijangkakan berkurangan sebanyak RM6,389 juta dan RM196 juta masing-masing. Penyumbang utama peningkatan kutipan hasil keseluruhan pada tahun 2009 adalah dijangka daripada faedah dan pulangan daripada pelaburan iaitu pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan awam dan dividen daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP. Hasil cukai bagi tahun 2009 dijangka akan menyumbang sebanyak 66% kepada jumlah hasil sementara hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan menyumbang sebanyak 34%.

8. Anggaran hasil disemak ini dipengaruhi oleh unjuran pertumbuhan dan komposisi aktiviti ekonomi negara. Anggaran ini dibuat berdasarkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar -3.0% dalam tahun 2009 berbanding unjuran pertumbuhan asal pada kadar 5.4% yang diumumkan dalam Bajet 2009. Di samping itu, anggaran ini turut dipengaruhi oleh unjuran purata harga minyak mentah pada USD65.00 setong bagi tahun 2009 berbanding anggaran asal dalam tahun 2008 pada USD125.00 setong. Faktor lain adalah disebabkan oleh penyusutan ringgit kepada anggaran RM3.60 bagi setiap dolar AS dalam tahun 2009 berbanding unjuran asal pada RM3.20 bagi setiap dolar AS.

9. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 1**. Perbandingan anggaran hasil disemak dengan anggaran asal bagi tahun 2009 dan pungutan sebenar tahun 2008 masing-masing adalah seperti yang ditunjukkan di **Lampiran A1** dan **A2**.

**Jadual 1**

**Ringkasan Hasil Utama**

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Asal	2009 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	124,151	106,509	(17,642)	(14)
Hasil Bukan Cukai	50,709	54,793	4,084	8
Terimaan Bukan Hasil	631	496	(135)	(21)
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	364	302	(62)	(17)
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>175,855</b>	<b>162,100</b>	<b>(13,755)</b>	<b>(8)</b>

**Cukai Langsung**

10. Anggaran hasil cukai langsung disemak bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 2**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang RM78,735 juta iaitu 74% daripada jumlah hasil cukai atau 49% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 2**

**Hasil Cukai Langsung**

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Asal	2009 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>CUKAI PENDAPATAN<sup>7</sup></b>	<b>88,099</b>	<b>75,684</b>	<b>(12,415)</b>	<b>(14)</b>
Individu	15,122	15,379	257	2
Syarikat	35,691	31,684	(4,007)	(11)
Petroleum	35,826	27,000	(8,826)	(25)
Koperasi	196	279	83	42
Lain-lain	1,264	1,342	78	6
<b>LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG</b>	<b>3,619</b>	<b>3,051</b>	<b>(568)</b>	<b>(16)</b>
Duti Setem	3,586	2,985	(601)	(17)
Lain-lain	33	66	33	100
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>91,718</b>	<b>78,735</b>	<b>(12,983)</b>	<b>(14)</b>

11. Dalam tahun 2009, anggaran disemak bagi hasil *cukai pendapatan* dijangka mencapai RM75,684 juta, iaitu 14% lebih rendah daripada anggaran asal berjumlah RM88,099 juta dan 4% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM78,475 juta. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 71% kepada hasil cukai yang mana komponen utama adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak 30%, cukai pendapatan petroleum sebanyak 25% dan cukai pendapatan individu sebanyak 14%.

12. Anggaran hasil disemak bagi *cukai pendapatan syarikat* dijangka sebanyak RM31,684 juta iaitu 11% lebih rendah daripada anggaran asal 2009 yang berjumlah RM35,691 juta dan 16% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM37,741 juta. Pengurangan ini adalah selaras dengan jangkaan pertumbuhan KDNK pada -3.0% bagi tahun 2009. Pengurangan anggaran hasil disemak bagi tahun 2009 juga disebabkan oleh peruntukan bayaran balik cukai meningkat daripada RM5,000 juta kepada RM7,381 juta. Dalam konteks *cukai pendapatan individu*, ia dianggarkan meningkat sebanyak 2% kepada RM15,379 juta berbanding anggaran asal pada tahun 2009 yang berjumlah RM15,122 juta dan 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM14,966 juta. Pengemaskinian potongan di bawah Potongan Cukai Berjadual (PCB) oleh majikan menyebabkan kenaikan hasil daripada cukai pendapatan individu. Selain itu, peningkatan ini adalah berikutan daripada pematuhan yang tinggi oleh pembayar cukai kesan daripada aktiviti audit yang kerap dan penyiasatan yang lebih terperinci oleh pihak berkuasa cukai. Manakala hasil daripada *cukai pendapatan petroleum* yang dikenakan cukai berdasarkan kaedah tahun sebelumnya, dijangka menurun 25% kepada RM27,000 juta dalam tahun 2009 berbanding anggaran asal sebanyak RM35,826 juta tetapi 12% lebih tinggi berbanding pungutan sebenar sebanyak RM24,191 juta dalam tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan purata harga minyak mentah sebanyak 33% kepada USD103.69 setong dalam tahun 2008 berbanding USD78.21 setong dalam tahun 2007. Jumlah pengeluaran minyak mentah dalam tahun 2008 juga meningkat kepada 696,200 tong sehari berbanding 682,700 tong sehari dalam tahun 2007.

#### Lain-lain Cukai Langsung

13. Hasil *lain-lain cukai langsung* yang terdiri daripada duti setem dan lain-lain cukai dijangka menurun kepada RM3,051 juta bagi tahun 2009. Jumlah tersebut lebih rendah daripada anggaran asal berjumlah RM3,619 juta dan kurang daripada kutipan sebenar tahun 2008 berjumlah RM3,663 juta. Penurunan ini berpunca daripada krisis kewangan dunia yang menjejaskan pasaran saham dan hartanah di Malaysia.

#### Cukai Tidak Langsung

14. Anggaran hasil disemak bagi *cukai tidak langsung* bagi tahun 2009 mengikut kategori cukai adalah seperti di **Jadual 3**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM27,774 juta, iaitu 26% daripada jumlah hasil cukai dan 17% daripada jumlah hasil.

**Jadual 3**

#### Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Asal	2009 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	3,032	1,265	(1,767)	(58)
Duti Import	1,992	1,992	0	0
Duti Eksais	11,438	9,756	(1,682)	(15)
Cukai Jualan	8,059	8,457	398	5
Cukai Perkhidmatan	3,708	3,334	(374)	(10)
Levi	1,696	462	(1,234)	(73)
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,508	2,508	0	0
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,433</b>	<b>27,774</b>	<b>(4,659)</b>	<b>(14)</b>

## Duti Eksport

15. Dalam tahun 2009, hasil disemak daripada *duti eksport* dijangka berjumlah RM1,265 juta, iaitu 58% lebih rendah daripada anggaran asal bagi tahun 2009 yang berjumlah RM3,032 juta dan 54% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM2,779 juta. Hasil disemak daripada duti eksport minyak mentah dijangka menurun 59% kepada RM1,215 juta berbanding anggaran asal bagi tahun 2009 yang berjumlah RM2,939 juta dan 55% lebih rendah daripada pungutan sebenar berjumlah RM2,703 juta dalam tahun 2008. Penurunan ini disebabkan purata harga minyak mentah yang lebih rendah iaitu USD65.00 setong pada tahun 2009 berbanding USD103.69 setong pada tahun 2008. Di samping itu, kuantiti eksport minyak mentah dijangka berkurang kepada 15.2 juta tan berbanding anggaran asal sebanyak 17.8 juta tan. Ini secara langsung memberi kesan kepada kutipan duti eksport minyak mentah yang dijangka akan menyumbang sebanyak 96% kepada duti eksport.

## Duti Import dan Duti Eksais

16. Hasil disemak daripada *duti import* bagi tahun 2009 dijangka tidak berubah berbanding anggaran asal 2009 yang berjumlah RM1,992 juta tetapi 24% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM2,635 juta. Hasil daripada *duti eksais* untuk tahun 2009 juga dijangka berkurangan sebanyak 15% kepada RM9,756 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM11,438 juta dan 9% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM10,682 juta. Penurunan anggaran disemak ke atas duti eksais berbanding anggaran asal tahun 2009 adalah dipengaruhi oleh pengurangan permintaan untuk kenderaan bermotor.

17. Hasil daripada duti import ke atas *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat 65% kepada RM398 juta berbanding anggaran asal 2009 sejumlah RM241 juta tetapi 15% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM471 juta. Hasil duti eksais ke atas kenderaan bermotor pula dijangka menurun 17% kepada RM4,224 juta berbanding anggaran asal sejumlah RM5,094 juta dan 13% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM4,855 juta. Ini adalah kerana permintaan pengguna terhadap kenderaan baru telah berkurangan sebanyak 9.7% bagi tempoh Januari hingga Jun 2009 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008.

18. Hasil disemak daripada duti import ke atas minuman keras dan malt dijangka berkurangan 14% kepada RM55 juta dalam tahun 2009 berbanding dengan anggaran asal 2009 sebanyak RM64 juta dan 24% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM72 juta. Manakala hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama dianggarkan berjumlah RM1,110 juta, iaitu 8% lebih rendah daripada anggaran asal 2009 yang berjumlah RM1,213 juta dan 17% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM1,339 juta. Hasil daripada duti import ke atas tembakau, rokok dan cerut pula dijangka berkurangan sebanyak 7% daripada anggaran asal yang berjumlah RM86 juta kepada RM80 juta pada tahun 2009 dan 13% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM92 juta. Walau bagaimanapun, hasil disemak tahun 2009 bagi duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka berjumlah RM2,813 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM2,748 juta. Berikutan peningkatan kadar duti eksais ke atas rokok sebanyak 3 sen sebatang dalam Bajet 2009, hasil daripada rokok import dijangka berkurangan sebanyak 13% manakala hasil daripada rokok tempatan dijangka meningkat sebanyak 2% berbanding kutipan tahun 2008. Di samping itu, kutipan duti eksais keseluruhan dijangka menurun kerana permintaan yang kurang ke atas kenderaan bermotor, minuman keras dan malt.

## Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

19. Anggaran hasil *cukai jualan* yang telah disemak dijangka meningkat kepada RM8,457 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran asal 2009 berjumlah RM8,059 juta dan 1% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM8,374 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kutipan cukai jualan ke atas petrol dan diesel.

20. Hasil disemak daripada *cukai perkhidmatan* dijangka berkurangan 10% kepada RM3,334 juta berbanding anggaran asal 2009 berjumlah RM3,708 juta dan sedikit menurun berbanding kutipan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM3,345 juta. Pengurangan dalam anggaran disemak bagi cukai perkhidmatan berbanding anggaran asal 2009 adalah disebabkan oleh krisis kewangan dunia dan wabak selsema H1N1 yang menjejaskan sektor pelancongan di Malaysia.

## Levi

21. Hasil disemak *levi* dijangka berkurangan 73% kepada RM462 juta berbanding anggaran asal 2009 berjumlah RM1,696 juta dan 20% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2008 yang



berjumlah RM579 juta. Pengurangan dalam anggaran disemak bagi levi adalah disebabkan oleh harga Minyak Sawit Mentah (CPO) yang lebih rendah iaitu RM2,400 se tan berbanding anggaran asal iaitu RM3,000 se tan bagi tahun 2009. Selain itu, pengurangan ini juga disebabkan oleh peningkatan *threshold* untuk levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit pada 10 Mac 2009, iaitu daripada RM2,000 se tan kepada RM2,500 se tan bagi Semenanjung dan daripada RM2,000 se tan kepada RM3,000 se tan bagi Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 2009, baki bayaran *one-off* bagi menggantikan levi keuntungan luar biasa ke atas Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) adalah dianggarkan sebanyak RM300 juta.

#### Lain-lain Cukai Tidak Langsung

22. Hasil dari *lain-lain cukai tidak langsung* bagi tahun 2009 dijangka menyumbang sebanyak RM2,508 juta, iaitu sama seperti anggaran asal 2009 tetapi 6% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM2,366 juta.

#### Hasil Bukan Cukai

23. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4**. Hasil *bukan cukai* dijangka menyumbang sejumlah RM54,793 juta iaitu 34% daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2009. Jumlah ini adalah 8% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM50,709 juta dan 19% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM45,911 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan pertambahan daripada hasil bagi *faedah dan pulangan daripada pelaburan* yang dijangka sebanyak RM42,385 juta, iaitu 20% lebih tinggi daripada anggaran asal 2009 berjumlah RM35,442 juta dan 31% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM32,271 juta. PETRONAS dan Bank Negara Malaysia dijangka akan membayar dividen masing-masing sebanyak RM30,000 juta dan RM1,500 juta untuk tahun 2009 iaitu amaun yang sama seperti yang dibayar pada tahun 2008. Selain itu, Kerajaan turut dijangka memperoleh dividen sebanyak RM1,000 juta daripada KWAP dan RM9,100 juta daripada pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Pensekuritian ini merupakan satu usaha untuk mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan. Hasil disemak 2009 daripada *cukai jalan* dianggarkan meningkat sebanyak 8% kepada RM1,754 juta berbanding dengan anggaran asal berjumlah RM1,619 juta tetapi 3% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM1,799 juta. Ini disebabkan kadar cukai jalan diselaraskan bagi kenderaan diesel saloon dan bukan saloon milik individu dan syarikat untuk disamakan dengan cukai jalan bagi kenderaan berenjin petrol dalam Bajet 2009.

**Jadual 4**

#### Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Asal	2009 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	12,922	9,796	(3,126)	(24)
Bayaran Perkhidmatan	999	875	(124)	(12)
Penerimaan Jualan Barang	71	65	(6)	(8)
Sewaan	189	184	(5)	(3)
Faedah & Perolehan Pelaburan	35,442	42,385	6,943	20
Denda dan Penalti	535	637	102	19
Lain-lain	551	851	300	54
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>50,709</b>	<b>54,793</b>	<b>4,084</b>	<b>8</b>

#### Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

24. Hasil disemak 2009 bagi *terimaan bukan hasil* dijangka berjumlah RM496 juta, iaitu 21% lebih rendah daripada anggaran asal berjumlah RM631 juta dan 28% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM692 juta. Hasil dari *Wilayah Persekutuan* pula dianggarkan berjumlah RM302 juta, iaitu 17% lebih rendah berbanding dengan anggaran asal 2009 yang berjumlah RM364 juta tetapi 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2008 yang berjumlah RM292 juta.

## ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2010

25. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2010, sebelum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Bajet 2010 adalah dianggarkan berjumlah RM148,446 juta, iaitu 8% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2009 yang berjumlah RM162,100 juta. Penurunan anggaran hasil ini disebabkan purata harga minyak mentah yang rendah pada tahun 2009 berbanding 2008 dan tiada pensukuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Daripada anggaran hasil tahun 2010, *cukai langsung* dijangka menyumbang sejumlah RM75,916 juta atau 51% daripada jumlah keseluruhan hasil manakala hasil *cukai tidak langsung* pula dijangka berjumlah RM27,632 juta atau 19% daripada jumlah keseluruhan hasil. Ini bermakna hasil cukai adalah dijangka menyumbang sebanyak RM103,548 juta atau 70% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan.

26. Sumbangan *hasil bukan cukai* dianggarkan berjumlah RM44,062 juta atau 29% daripada keseluruhan hasil manakala bakinya yang berjumlah RM836 juta atau 1% merupakan *terimaan bukan hasil* dan *hasil daripada Wilayah Persekutuan*. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan terperinci anggaran hasil tahun 2010 dengan anggaran disemak 2009 adalah seperti di **Lampiran A3**.

**Jadual 5**

### Ringkasan Hasil Utama

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Disemak	2010 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	106,509	103,548	(2,961)	(3)
Hasil Bukan Cukai	54,793	44,062	(10,731)	(20)
Terimaan Bukan Hasil	496	520	24	5
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	302	316	14	5
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>162,100</b>	<b>148,446</b>	<b>(13,654)</b>	<b>(8)</b>

### Cukai Langsung

27. Anggaran *hasil cukai langsung* bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 6**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM75,916 juta iaitu 73% daripada jumlah hasil cukai atau 51% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 6**

### Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Disemak	2010 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>CUKAI PENDAPATAN</b>	<b>75,684</b>	<b>72,590</b>	<b>(3,094)</b>	<b>(4)</b>
Individu	15,379	15,837	458	3
Syarikat	31,684	35,728	4,044	13
Petroleum	27,000	19,366	(7,634)	(28)
Koperasi	279	314	35	13
Lain-lain	1,342	1,345	3	0
<b>LAIN-LAIN CUKAILANGSUNG</b>	<b>3,051</b>	<b>3,326</b>	<b>275</b>	<b>9</b>
Duti Setem	2,985	3,297	312	10
Lain-lain	66	29	(37)	(56)
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>78,735</b>	<b>75,916</b>	<b>(2,819)</b>	<b>(4)</b>

28. Anggaran *cukai pendapatan* bagi tahun 2010 dijangka mencatat RM72,590 juta, iaitu 4% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2009 berjumlah RM75,684 juta. Penurunan ini adalah berikutan jangkaan kutipan cukai pendapatan petroleum yang lebih rendah pada tahun 2010.

29. Anggaran *cukai pendapatan syarikat* bagi tahun 2010 dijangka berjumlah RM35,728 juta, iaitu 13% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2009 yang berjumlah RM31,684 juta selepas mengambilkira peruntukan pulangbalik cukai sebanyak RM8,000 juta bagi tahun 2010. *Cukai pendapatan individu* dianggarkan meningkat kepada RM15,837 juta atau 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM15,379 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK pada 2.5% pada tahun 2010.

30. Anggaran *cukai pendapatan petroleum* 2010 dijangka berkurangan sebanyak 28% kepada RM19,366 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM27,000 juta. Anggaran hasil 2010 yang lebih rendah adalah disebabkan penurunan purata harga minyak mentah daripada USD103.69 setong pada tahun 2008 kepada USD65.00 setong pada tahun 2009.

#### Lain-lain Cukai Langsung

31. Hasil utama dalam kutipan ini adalah duti setem yang dijangka menyumbangkan sejumlah RM3,297 juta pada tahun 2010. Jumlah ini adalah 10% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM2,985 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK pada 2.5% dalam tahun 2010.

#### Cukai Tidak Langsung

32. Anggaran hasil *cukai tidak langsung* bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 7**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM27,632 juta, iaitu 27% daripada jumlah hasil cukai atau 19% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 7**

#### Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Disemak	2010 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	1,265	1,460	195	15
Duti Import	1,992	1,725	(267)	(13)
Duti Eksais	9,756	10,291	535	5
Cukai Jualan	8,457	7,778	(679)	(8)
Cukai Perkhidmatan	3,334	3,491	157	5
Levi	462	157	(305)	(66)
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,508	2,730	222	9
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>27,774</b>	<b>27,632</b>	<b>(142)</b>	<b>(1)</b>

#### Duti Eksport

33. Hasil daripada *duti eksport* ke atas komoditi dianggarkan berjumlah RM1,460 juta, iaitu 15% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM1,265 juta. Hasil daripada duti eksport ke atas *minyak mentah* dijangka meningkat 16% kepada RM1,410 juta berbanding anggaran disemak tahun 2009 yang berjumlah RM1,215 juta. Hasil dijangka meningkat berdasarkan anggaran purata harga minyak mentah yang lebih tinggi dalam tahun 2010 iaitu USD75.00 setong berbanding USD65.00 setong pada tahun 2009.

## **Duti Import dan Duti Eksais**

34. Hasil daripada *duti import* tahun 2010 dijangka berkurangan sebanyak 13% kepada RM1,725 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM1,992 juta. Kutipan dijangka berkurangan akibat penurunan kadar duti import berikutan komitmen negara di bawah perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA). Hasil daripada duti eksais 2010 pula dijangka meningkat 5% kepada RM10,291 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM9,756 juta. Kenaikan kutipan ini berikutan peningkatan permintaan pengguna terhadap rokok, minuman keras dan kenderaan keluaran tempatan.

35. Kutipan duti import bagi *kenderaan CKD dan CBU* dijangka merosot 14% kepada RM344 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM398 juta. Pengurangan kutipan duti import bagi kenderaan CBU adalah disebabkan oleh penurunan kadar duti import berikutan komitmen negara di bawah Perjanjian mengenai Skim Tarif Keutamaan Sama Rata bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun. Sementara itu, penurunan kutipan duti import ke atas kenderaan CBU disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah ke atas kenderaan import. Walau bagaimanapun, duti eksais ke atas kenderaan bermotor pula dijangka meningkat 4% kepada RM4,383 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM4,224 juta. Permintaan ke atas kenderaan buatan tempatan dijangka meningkat dalam tahun 2010.

36. Hasil daripada duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka berkurangan sebanyak 15% kepada RM47 juta dalam tahun 2010 berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM55 juta. Sebaliknya hasil duti eksais ke atas *minuman keras dan malt* bagi tahun 2010 dianggarkan 6% lebih tinggi iaitu berjumlah RM1,177 berbanding dengan anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM1,110 juta. Hasil daripada duti import ke atas *tembakau, cerut dan rokok* dijangka mencatat penurunan sebanyak 14% daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM80 juta kepada RM69 juta pada tahun 2010. Anggaran duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka mencapai RM3,015 juta, iaitu 7% tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM2,813 juta. Pengurangan anggaran duti import ke atas *minuman keras dan malt* bagi tahun 2010 adalah ekoran dari permintaan yang rendah bagi barangan import. Sementara itu, peningkatan anggaran hasil duti eksais ke atas tembakau, cerut dan rokok adalah disebabkan peningkatan kadar duti eksais ke atas rokok sebanyak 1 sen sebatang mulai 1 Oktober 2009. Langkah ini dijangka menyumbang tambahan hasil bagi tahun 2010 sebanyak RM145 juta.

## **Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan**

37. Anggaran hasil bagi *cukai jualan* dijangka menurun kepada RM7,778 juta, iaitu 8% lebih rendah daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM8,457 juta. Penurunan ini adalah berdasarkan andaian tiada kutipan cukai jualan ke atas petrol dan diesel pada tahun 2010.

38. Hasil daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM3,491 juta berbanding anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM3,334 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2010.

## **Levi**

39. Tiada kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit dijangka bagi tahun 2010. Ini berdasarkan andaian purata harga CPO adalah sebanyak RM2,400 berbanding dengan paras *threshold* RM2,500 se tan di Semenanjung dan RM3,000 se tan di Sabah dan Sarawak. Levi kenderaan barang dijangka menyumbang sebanyak RM157 juta, iaitu 7% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM147 juta.

## **Lain-lain Cukai Tidak Langsung**

40. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* pada tahun 2010 dijangka menyumbang RM2,730 juta, iaitu meningkat sebanyak RM222 juta atau 9% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM2,508 juta.

## Hasil Bukan Cukai

41. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 8**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sejumlah RM44,062 juta atau 29% daripada jumlah hasil keseluruhan. Jumlah ini adalah 20% lebih rendah daripada anggaran disemak tahun 2009 sebanyak RM54,793 juta.

**Jadual 8**

### Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2009 Anggaran Disemak	2010 Anggaran Bajet	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	9,796	9,005	(791)	(8)
Bayaran Perkhidmatan	875	916	41	5
Penerimaan Jualan Barang	65	69	4	6
Sewaan	184	192	8	4
Faedah & Perolehan Pelaburan	42,385	32,322	(10,063)	(24)
Denda dan Penalti	637	667	30	5
Lain-lain	851	891	40	5
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>54,793</b>	<b>44,062</b>	<b>(10,731)</b>	<b>(20)</b>

42. Anggaran hasil 2010 bagi *faedah dan pulangan daripada pelaburan* dijangka sebanyak RM32,322 juta, iaitu 24% lebih rendah daripada anggaran disemak 2009 yang berjumlah RM42,385 juta. Penurunan anggaran hasil ini disebabkan tiada pensyukuran pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan dan dividen daripada KWAP dalam tahun 2010. *Dividen* daripada PETRONAS dan Bank Negara Malaysia masing-masing dijangka menyumbang sebanyak RM30,000 juta dan RM1,500 juta pada tahun 2010. Anggaran hasil bagi tahun 2010 untuk lesen dan permit adalah dijangka pada RM9,005 juta iaitu 8% lebih rendah daripada anggaran disemak 2009 sebanyak RM9,796 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jangkakan royalti petroleum yang lebih rendah pada tahun 2010.

### Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

43. Bagi tahun 2010, hasil daripada *terimaan bukan hasil* dianggarkan berjumlah RM520 juta, iaitu meningkat 5% berbanding anggaran disemak tahun 2009 berjumlah RM496 juta. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM316 juta, iaitu peningkatan sebanyak 5% berbanding anggaran disemak tahun 2009 yang berjumlah RM302 juta.

Perbendaharaan Persekutuan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Oktober 2009

## LAMPIRAN A1

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2009 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
 ASAL TAHUN 2009  
 (Selepas perubahan cukai)

	2009 Anggaran Asal		2009 Anggaran Disemak		Perubahan (RM Juta)	Peratus Perubahan (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>124,151</b>	<b>71</b>	<b>106,509</b>	<b>66</b>	<b>(17,642)</b>	<b>(14)</b>
<b>    CUKAI LANGSUNG</b>	<b>91,718</b>	<b>52</b>	<b>78,735</b>	<b>49</b>	<b>(12,983)</b>	<b>(14)</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	88,099	50	75,684	47	(12,415)	(14)
Cukai Pendapatan Individu	15,122	9	15,379	9	257	2
Cukai Pendapatan Syarikat	35,691	20	31,684	20	(4,007)	(11)
Cukai Pendapatan Petroleum	35,826	20	27,000	17	(8,826)	(25)
Cukai Pendapatan Koperasi	196	0	279	0	83	42
Lain-Lain	1,264	1	1,342	1	78	
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	3,619	2	3,051	2	(568)	(16)
Duti Setem	3,586	2	2,985	2	(601)	(17)
Lain-Lain	33	0	66	0	33	100
<b>    CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,433</b>	<b>18</b>	<b>27,774</b>	<b>17</b>	<b>(4,659)</b>	<b>(14)</b>
1.3 DUTI EKSPORT	3,032	2	1,265	1	(1,767)	(58)
Minyak Mentah	2,939	2	1,215	1	(1,724)	(59)
Kelapa Sawit	79	0	42	0	(37)	(47)
Minyak Kelapa Sawit Mentah	19	0	6	0	(13)	(68)
Minyak Kelapa Sawit Diproses	15	0	6	0	(9)	(60)
Isirong Kelapa Sawit	45	0	30	0	(15)	(33)
Lain-lain	14	0	8	0	(6)	(43)
1.4 DUTI IMPORT	1,992	1	1,992	1	0	0
Minuman Keras dan Malt	64	0	55	0	(9)	(14)
Tembakau, Rokok & Cerut	86	0	80	0	(6)	(7)
Kenderaan CKD dan CBU	241	0	398	0	157	65
Lain-lain	1,601	1	1,459	1	(142)	(9)
1.5 DUTI EKSAIS	11,438	7	9,756	6	(1,682)	(15)
Minuman Keras dan Malt	1,213	1	1,110	1	(103)	(8)
Tembakau, Rokok & Cerut	3,191	2	2,813	2	(378)	(12)
Kenderaan Bermotor	5,094	3	4,224	3	(870)	(17)
Lain-lain	1,940	1	1,609	1	(331)	(17)

## LAMPIRAN A1 - (Samb.)

## PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2009 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
ASAL TAHUN 2009 - (Samb.)

(Selepas perubahan cukai)

	2009 Anggaran Asal		2009 Anggaran Disemak		Perubahan (RM Juta)	Peratus Perubahan (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
1.6 CUKAI JUALAN	8,059	5	8,457	5	398	5
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	3,708	2	3,334	2	(374)	(10)
1.8 LEVI	1,696	1	462	0	(1,234)	(73)
Buah Kelapa Sawit	1,350	1	15	0	(1,335)	(99)
Elektrik	200	0	300	0	100	50
Kenderaan Barang	146	0	147	0	1	1
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,508	1	2,508	2	0	0
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>50,709</b>	<b>29</b>	<b>54,793</b>	<b>34</b>	<b>4,084</b>	<b>8</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	12,922	7	9,796	6	(3,126)	(24)
Royalti petroleum dan gas	7,309	4	4,805	3	(2,504)	(34)
Cukai jalan	1,619	1	1,754	1	135	8
Lain-lain	3,994	2	3,237	2	(757)	(19)
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	999	1	875	1	(124)	(12)
2.3 PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	71	0	65	0	(6)	(8)
2.4 SEWAAN	189	0	184	0	(5)	(3)
2.5 FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	35,442	20	42,385	26	6,943	20
Dividen PETRONAS	30,000	17	30,000	19	0	0
Dividen Bank Negara	1,200	1	1,500	1	300	25
Lain-lain	4,242	2	10,885	7	6,643	157
2.6 DENDA DAN PENALTI	535	0	637	0	102	19
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	551	0	851	1	300	54
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>631</b>	<b>0</b>	<b>496</b>	<b>0</b>	<b>(135)</b>	<b>(21)</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>364</b>	<b>0</b>	<b>302</b>	<b>0</b>	<b>(62)</b>	<b>(17)</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>175,855</b>	<b>100</b>	<b>162,100</b>	<b>100</b>	<b>(13,755)</b>	<b>(8)</b>

## LAMPIRAN A2

## PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2009 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN  
SEBENAR TAHUN 2008

	2008 Penerimaan Sebenar		2009 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>112,898</b>	<b>71</b>	<b>106,509</b>	<b>66</b>	<b>(6,389)</b>	<b>(6)</b>
<b>    CUKAI LANGSUNG</b>	<b>82,138</b>	<b>51</b>	<b>78,735</b>	<b>49</b>	<b>(3,403)</b>	<b>(4)</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	78,475	49	75,684	47	(2,791)	(4)
Cukai Pendapatan Individu	14,966	9	15,379	9	413	3
Cukai Pendapatan Syarikat	37,741	24	31,684	20	(6,057)	(16)
Cukai Pendapatan Petroleum	24,191	15	27,000	17	2,809	12
Cukai Pendapatan Koperasi	204	0	279	0	75	37
Lain-Lain	1,373	1	1,342	0	(31)	(2)
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	3,663	2	3,051	2	(612)	(17)
Duti Setem	3,492	2	2,985	2	(507)	(15)
Lain-Lain	171	0	66	0	(105)	(61)
<b>    CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>30,760</b>	<b>19</b>	<b>27,774</b>	<b>17</b>	<b>(2,986)</b>	<b>(10)</b>
1.3 DUTI EKSPORT	2,779	2	1,265	1	(1,514)	(54)
Minyak Mentah	2,703	2	1,215	1	(1,488)	(55)
Kelapa Sawit	65	0	42	0	(23)	(35)
Minyak Kelapa Sawit Mentah	15	0	6	0	(9)	(60)
Minyak Kelapa Sawit Diproses	8	0	6	0	(2)	(25)
Isirong Kelapa Sawit	42	0	30	0	(12)	(29)
Lain-lain	11	0	8	0	(3)	(27)
1.4 DUTI IMPORT	2,635	2	1,992	1	(643)	(24)
Minuman Keras dan Malt	72	0	55	0	(17)	(24)
Tembakau, Rokok & Cerut	92	0	80	0	(12)	(13)
Kenderaan CKD dan CBU	471	0	398	0	(73)	(15)
Lain-lain	2,000	1	1,459	1	(541)	(27)
1.5 DUTI EKSAIS	10,682	7	9,756	6	(926)	(9)
Minuman Keras dan Malt	1,339	1	1,110	1	(229)	(17)
Tembakau, Rokok & Cerut	2,748	2	2,813	2	65	2
Kenderaan Bermotor	4,855	3	4,224	3	(631)	(13)
Lain-lain	1,740	1	1,609	1	(131)	(8)



## LAMPIRAN A2 - (Samb.)

## PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

## ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2009 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN SEBENAR TAHUN 2008 - (Samb.)

	2008 Penerimaan Sebenar		2009 Anggaran Disemak		Perubahan (RM Juta)	Peratus Perubahan (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
1.6 CUKAI JUALAN	8,374	5	8,457	5	83	1
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	3,345	2	3,334	2	(11)	(0)
1.8 LEVI	579	0	462	0	(117)	(20)
Buah Kelapa Sawit	339	0	15	0	(324)	(96)
Elektrik	92	0	300	0	208	226
Kenderaan Barang	148	0	147	0	(1)	(1)
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,366	1	2,508	2	142	6
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>45,911</b>	<b>29</b>	<b>54,793</b>	<b>34</b>	<b>8,882</b>	<b>19</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	11,101	7	9,796	6	(1,305)	(12)
Royalti petroleum dan gas	5,908	4	4,805	3	(1,103)	(19)
Cukai jalan	1,799	1	1,754	1	(45)	(3)
Lain-lain	3,394	2	3,237	2	(157)	(5)
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	953	1	875	1	(78)	(8)
2.3 PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	73	0	65	0	(8)	(11)
2.4 SEWAAN	203	0	184	0	(19)	(9)
2.5 FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	32,271	20	42,385	26	10,114	31
Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	19	0	0
Dividen Bank Negara	1,500	1	1,500	1	0	0
Lain-lain	771	0	10,885	7	10,114	1,312
2.6 DENDA DAN PENALTI	591	0	637	0	46	8
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	719	0	851	1	132	18
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>692</b>	<b>0</b>	<b>496</b>	<b>0</b>	<b>(196)</b>	<b>(28)</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>292</b>	<b>0</b>	<b>302</b>	<b>0</b>	<b>10</b>	<b>3</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>159,793</b>	<b>100</b>	<b>162,100</b>	<b>100</b>	<b>2,307</b>	<b>1</b>

## LAMPIRAN A3

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 ANGGARAN BAJET BAGI TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
 DISEMAK TAHUN 2009

	2009 Anggaran Disemak		2010 Anggaran Bajet		Perubahan  (RM Juta)	Peratus Perubahan  (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>106,509</b>	<b>66</b>	<b>103,548</b>	<b>70</b>	<b>(2,961)</b>	<b>(3)</b>
<b>    CUKAI LANGSUNG</b>	<b>78,735</b>	<b>49</b>	<b>75,916</b>	<b>51</b>	<b>(2,819)</b>	<b>(4)</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	75,684	47	72,590	49	(3,094)	(4)
Cukai Pendapatan Individu	15,379	9	15,837	11	458	3
Cukai Pendapatan Syarikat	31,684	20	35,728	24	4,044	13
Cukai Pendapatan Petroleum	27,000	17	19,366	13	(7,634)	(28)
Cukai Pendapatan Koperasi	279	0	314	0	35	13
Lain-Lain	1,342	1	1,345	1	3	0
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	3,051	2	3,326	2	275	9
Duti Setem	2,985	2	3,297	2	312	10
Lain-Lain	66	0	29	0	(37)	(56)
<b>    CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>27,774</b>	<b>17</b>	<b>27,632</b>	<b>19</b>	<b>(142)</b>	<b>(1)</b>
1.3 DUTI EKSPORT	1,265	1	1,460	1	195	15
Minyak Mentah	1,215	1	1,410	1	195	16
Kelapa Sawit	42	0	42	0	0	0
Minyak Kelapa Sawit Mentah	6	0	6	0	0	0
Minyak Kelapa Sawit Diproses	6	0	6	0	0	0
Isirong Kelapa Sawit	30	0	30	0	0	0
Lain-lain	8	0	8	0	0	0
1.4 DUTI IMPORT	1,992	1	1,725	1	(267)	(13)
Minuman Keras dan Malt	55	0	47	0	(8)	(15)
Tembakau, Rokok & Cerut	80	0	69	0	(11)	(14)
Kenderaan CKD dan CBU	398	0	344	0	(54)	(14)
Lain-lain	1,459	1	1,265	1	(194)	(13)
1.5 DUTI EKSAIS	9,756	6	10,291	7	535	5
Minuman Keras dan Malt	1,110	1	1,177	1	67	6
Tembakau, Rokok & Cerut	2,813	2	3,015	2	202	7
Kenderaan Bermotor	4,224	3	4,383	3	159	4
Lain-lain	1,609	1	1,716	1	107	7

## LAMPIRAN A3 - (Samb.)

## PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

ANGGARAN BAJET BAGI TAHUN 2010 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
DISEMAK TAHUN 2009 - (Samb.)

	2009 Anggaran Disemak		2010 Anggaran Bajet		Perubahan  (RM Juta)	Peratus Perubahan  (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
1.6 CUKAI JUALAN	8,457	5	7,778	5	(679)	(8)
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	3,334	2	3,491	2	157	5
1.8 LEVI	462	0	157	0	(305)	(66)
Buah Kelapa Sawit	15	0	0	0	(15)	(100)
Elektrik	300	0	0	0	(300)	(100)
Kenderaan Barang	147	0	157	0	10	7
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,508	2	2,730	2	222	9
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>54,793</b>	<b>34</b>	<b>44,062</b>	<b>30</b>	<b>(10,731)</b>	<b>(20)</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	9,796	6	9,005	6	(791)	(8)
Royalti petroleum dan gas	4,805	3	3,810	3	(995)	(21)
Cukai jalan	1,754	1	1,806	1	52	3
Lain-lain	3,237	2	3,389	2	152	5
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	875	1	916	1	41	5
2.3 PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	65	0	69	0	4	6
2.4 SEWAAN	184	0	192	0	8	4
2.5 FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	42,385	26	32,322	22	(10,063)	(24)
Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	20	0	0
Dividen Bank Negara	1,500	1	1,500	1	0	0
Lain-lain	10,885	7	822	1	(10,063)	(92)
2.6 DENDA DAN PENALTI	637	0	667	0	30	5
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	851	1	891	1	40	5
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>496</b>	<b>0</b>	<b>520</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>5</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>302</b>	<b>0</b>	<b>316</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>5</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>162,100</b>	<b>100</b>	<b>148,446</b>	<b>100</b>	<b>(13,654)</b>	<b>(8)</b>



***ESTIMATES OF FEDERAL  
GOVERNMENT'S REVENUE FOR  
THE YEAR 2010***

**MINISTRY OF FINANCE  
MALAYSIA**



## TREASURY MEMORANDUM ON THE FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE ESTIMATES FOR THE YEAR 2010

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2010 and the revised revenue for 2009. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of Federal Constitution.
